

Tun Abdullah martabat legasi Islam, pembangunan rohani

• Gagasan besar Pak Lah ialah Islam Hadhari, membawa pendekatan sangat progresif terhadap pemahaman dan pelaksanaan Islam dalam konteks negara moden

* Pemergian Pak Lah adalah satu kehilangan besar, namun warisan dan sumbangannya akan terus hidup dalam setiap dasar, jiwa muda terdidik melalui ilhamnya dan dalam usaha membina Malaysia lebih adil, harmoni dan berperadaban



Felo Bersekutu, Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Oleh Dr Mohd Nizwan Musling
bhrencana@bh.com.my

Tanggal Selasa 14 April 2025, negara dikejutkan dengan kehilangan permata negara, iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri kelima yang menghembuskan nafas terakhirnya pada usia 85 tahun.

Pemergian beliau bukan sekadar kehilangan seorang tokoh politik, malah satu kehilangan besar terhadap landskap pemikiran dan pembangunan negara.

Abdullah atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Lah, adalah seorang negarawan tenang, sederhana

namun tegas dalam prinsip, sentiasa meletakkan nilai Islam serta kemanusiaan sebagai teras kepimpinannya.

Salah satu legasi paling besar ditinggalkan beliau ialah inisiatif memperkenalkan program j-QAF (Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain) dalam sistem pendidikan negara. Bermula 2005, j-QAF menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh pendidikan Islam di sekolah rendah secara sistematik dan berstruktur.

Buat pertama kalinya, pendidikan Bahasa Arab diletak dalam arus perdana, tidak lagi menjadi pilihan sampingan, tetapi dimartabatkan seiring dengan subjek utama dalam pendidikan rendah.

Melalui j-QAF, ramai murid daripada pelbagai latar belakang kini mampu membaca al-Quran dengan lancar, mengenal tulisan Jawi serta memahami asas agama melalui Fardu Ain dan Bahasa Arab.

Lebih daripada itu, program j-QAF mencetuskan gelombang besar dalam sektor pekerjaan apabila kerajaan membuka ribuan peluang perjawatan baharu, khususnya bagi graduan dalam bidang pengajian Islam dan Bahasa Arab. Sebelum itu, graduan dalam bidang berkenaan dilihat terhad kepada peranan guru agama tradisional atau sektor awam yang kecil skalanya.

Namun, melalui dasar j-QAF diperkenalkan Abdullah, satu ekosistem baharu terbina yang mana graduan mempunyai laluan kerjaya lebih luas, stabil dan diiktiraf. Mereka bukan sahaja memainkan peranan sebagai guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, malah turut terbahit dalam pembangunan kurikulum, latihan guru, penyelidikan pendidikan dan pentadbiran sekolah agama integrasi.

Selain pendidikan, gagasan besar Pak Lah ialah Islam Hadhari, membawa pendekatan sangat progresif terhadap pemahaman dan pelaksanaan Islam

dalam konteks negara moden.

Islam Hadhari bukan sekadar slogan politik, tetapi kerangka pemikiran yang menekankan kesepaduan antara kemajuan material dan kekuatan nilai spiritual.

Ia menuntut umat Islam maju dalam bidang ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi tanpa meninggalkan prinsip Islam yang murni.

Dalam erti kata lain, Islam Hadhari menyeru kepada pembangunan modal insan kelas pertama iaitu insan bukan hanya cemerlang dari sudut ilmu dan kemahiran, tetapi utuh akhlakinya, tinggi integritinya dan mendalam kefahaman agamanya. Pemikiran ini berakar daripada prinsip integrasi ilmu dalam Islam bahawa tidak ada pemisahan antara ilmu dunia dan ilmu akhirat.

Maka, di bawah pentadbirannya, lahir usaha menyuburkan Sains Islam bukan dalam bentuk penciptaan formula baharu semata-mata, tetapi membangunkan wacana, dasar dan pendidikan menjadikan sains sebagai medan ibadah serta khidmat untuk umat.

Pemikiran Abdullah jelas menunjukkan kemajuan tidak boleh dicapai semata-mata melalui pembangunan fizikal, tetapi mesti dibina dengan akhlak, etika dan kepercayaan agama yang kukuh



Ini dapat dilihat dalam dukungan beliau terhadap institusi seperti Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) dan pembangunan sumber manusia Muslim mahir dalam kedua-dua bidang ilmu agama serta sains kontemporari.

Pendekatan ini sangat relevan dengan realiti semasa Malaysia yang rencam, pelbagai dan menuju ke arah status negara maju. Pemikiran Abdullah jelas menunjukkan kemajuan tidak boleh dicapai semata-mata melalui pembangunan fizikal, tetapi mesti dibina di atas tapak akhlak, etika dan kepercayaan agama yang kukuh.

Dalam dunia hari ini yang semakin berdepan dengan krisis nilai, gagasan seperti Islam Hadhari amat penting untuk terus dikembangkan dan dihidupkan, bukan sahaja dalam dasar negara, malah dalam amalan seharian rakyat.

Pemimpin berjiwa rakyat

Abdullah juga dikenang sebagai seorang pemimpin berjiwa rakyat, sentiasa mendahulukan kepentingan awam berbanding keuntungan politik. Beliau membawa pendekatan 'kepemimpinan melalui teladan' yang bersifat sederhana tetapi penuh hikmah.

Tatkala dunia politik sering dicemari ketegangan dan retorik memecah-belah, Pak Lah memilih untuk memimpin dengan nada damai, menjalin hubungan harmonis antara kaum dan agama serta menanam nilai kesederhanaan dan perpaduan. Itulah warisan besar beliau harus terus disemai dalam masyarakat.

Pemergian Abdullah mengajak kita untuk merenung kembali arah tuju bangsa. Apakah nilai sedang kita tanam dalam generasi muda hari ini? Apakah sistem pendidikan kita masih menekankan pembangunan rohani seiring pembangunan intelek dan kecerdasan buatan (AI)?

Apakah kita benar-benar menghargai peranan bahasa dan budaya agama dalam membina identiti nasional? Soalan ini harus dijawab dengan semangat sama seperti ditunjukkan Abdullah bahawa tiada kemajuan bermakna tanpa akar nilai murni mampan.

Akhirnya, marilah kita menghadiahkan al-Fatihah kepada Allahyarham Abdullah. Semoga roh beliau dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan solihin.

Pemergian beliau adalah satu kehilangan besar, namun warisan dan sumbangannya akan terus hidup dalam setiap dasar, jiwa muda terdidik melalui ilhamnya dan dalam usaha membina Malaysia lebih adil, harmoni dan berperadaban.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH